

05 OCT 2000

Mahathir-Britain

TANGANI KESAN NEGATIF GLOBALISASI, KATA DR MAHATHIR

Oleh: Wan A.Hulaimi

LONDON, 5 Okt (Bernama) -- Malaysia dan Britain boleh bekerjasama untuk mengurangkan kesan negatif globalisasi dan untuk menghasilkan sinergi daripada sumber-sumber, keupayaan dan pengalaman kedua-dua negara untuk mencapai matlamat bersama, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

"Britain boleh memainkan peranan penting membantu kita mencapai aspirasi dan sasaran yang terkandung dalam Pelan Induk Perindustrian Malaysia," katanya dalam ucapan dasar pada mesyuarat ketiga Majlis Perniagaan Malaysia-Britain di sini.

Lebih 100 anggota perwakilan termasuk Setiausaha Negara bagi Perdagangan dan Perindustrian Britain Stephen Byers menghadiri mesyuarat itu.

Dr Mahathir berkata Britain sepatutnya merupakan antara tiga pelabur utama dalam sektor pembuatan di Malaysia dan bukannya di tempat kesembilan pada masa sekarang.

Britain melaburkan US\$394 juta dalam 118 projek pembuatan antara 1995 dan Julai tahun ini.

Dr Mahathir menjemput usahawan Britain supaya melabur dalam industri pembuatan dan sektor teknologi tambah nilai di Malaysia dan pada masa yang sama memudahkan pemindahan kepakaran teknologi yang akan membawa manfaat berlipat ganda bagi kedua-dua pihak.

Beliau juga mempelawa lebih banyak pelaburan di dalam sektor teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) yang menawarkan kepada syarikat-syarikat Britain satu peluang unik untuk menjadi pemangkin kepada pembangunan di kalangan perniagaan tempatan, serantau dan antarabangsa.

Projek Koridor Raya Multimedia (MSC) di Malaysia berjalan mengikut perancangan dan berhasrat untuk meningkatkan jumlah syarikat yang mempunyai status antarabangsa daripada 37 pada masa ini kepada 50 menjelang tahun 2003.

Pada masa ini terdapat 362 syarikat yang mempunyai status MSC yang beroperasi di kawasan projek itu.

Pada mesyuarat tahunan Penal Penasihat Antarabangsa (IAP) baru-baru ini, para anggota memberi sokongan dengan pembangunan yang telah dijalankan di MSC. Sebahagian besar mereka kagum bahawa MSC sebenarnya berjalan lebih cepat daripada jadual.

Sambil menyenaraikan empat syarikat berprestij dari Britain yang sudah berada dalam MSC -- BT, Druid, Madge dan Reuters - Dr Mahathir berkata MSC boleh menawarkan platform bagi syarikat-syarikat Britain untuk menjanakan penemuan teknologi baru bagi mencorakkan masa depan.

Dr Mahathir secara khusus mencadangkan usahawan dan syarikat Malaysia bekerjasama dengan usahawan dan syarikat yang terdapat di Silicone Glen dan Fen di Scotland serta Cambridge di England.

"Saya gembira melihat perkongsian strategik antara Malaysia dan Britain dalam membangunkan 'Universal Studio' Malaysia sendiri, yang dikenali sebagai Entertainment Village atau E-Village. Projek berharga RM3 bilion itu akan melengkapkan usaha Universiti Multimedia dan pembekal kandungan dan penyelidik yang lain yang berpusat dalam MSC," katanya.

Beliau juga melihat kelebihan bagi pelabur Malaysia untuk datang ke Britain memandangkan negara itu ialah antara yang mempunyai persekitaran paling mesra perniagaan di kalangan negara Kesatuan Eropah (EU) dengan tenaga pekerja yang mahir dan fleksibel dan sebuah pangkalan sains yang terkemuka.

Pelaburan Malaysia dalam Lotus, sebuah syarikat kejuruteraan automobil, telah memberi pulangan daripada segi kualiti pemanduan dan pengendalian yang lebih baik bagi kereta Proton, kata Perdana Menteri.

Beliau berkata perkongsian Malaysia-Britain dalam pelbagai bentuk

strategi pelaburan akan memberi banyak faedah kepada kedua-dua negara dalam menjadi pintu gerbang kepada rantau masing-masing.

Menjelang tahun 2003 Malaysia dijangka menjadi sebuah lokasi lebih menarik dan sebuah gerbang strategik kepada pasaran Asean setelah tarif di antara rantau dikurangkan kepada antara sifar dan lima peratus dengan pengwujudan Kawasan Perdagangan Bebas Asean (AFTA), katanya.

Dr Mahathir berkata Britain juga boleh menjadi sebuah gerbang strategik bagi syarikat-syarikat Malaysia untuk menembusi bukan sahaja pasaran EU tetapi juga benua Eropah.

Mengenai sektor pendidikan Britain, Dr Mahathir berkata rancangan latihan Malaysia bagi pekerjaannya dalam ekonomi berasaskan pengetahuan atau K-ekonomi juga merupakan satu lagi bidang kerjasama Malaysia-Britain yang boleh dimaksimumkan terutama kerana bahasa Inggeris menjadi pengantara dalam institusi pengajian di Malaysia.

Beliau juga berkata pemulihan ekonomi Malaysia pada tahun ini telah mencatatkan momentum yang besar bagi menunjukkan bahawa ia mampu menghadapi kejutan luaran dan risiko.

Ekonomi Malaysia mencatatkan pertumbuhan 5.6 peratus pada 1999 selepas mengecut 7.2 peratus pada 1998.

Suku pertama tahun ini mencatatkan pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) sebanyak 11.9 peratus manakala pada suku kedua KDNK mencatatkan pertumbuhan 8.8 peratus.

"Pertumbuhan itu adalah hasil peningkatan permintaan dan bekalan," katanya.

Sepanjang tujuh tahun yang lepas, walaupun menghadapi kemelesetan ekonomi, jumlah dagangan dua hala antara Malaysia dan Britain menyaksikan peningkatan daripada RM8.79 bilion pada 1993 kepada RM17.8 bilion pada tahun lepas.

Britain merupakan rakan dagang kedua terbesar bagi Malaysia, mencakupi 22.2 peratus jumlah dagangan Malaysia dengan EU pada tahun lepas.

-- BERNAMA

WAH MNY AKD MAI